

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah usaha dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan di Malaysia menyedari dan memahami bahawa geran digitalisasi yang ditawarkan pihak Kementerian mampu meningkatkan keuntungan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penerapan digitalisasi dalam kalangan usahawan merupakan antara agenda utama Kementerian ini selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah Teras Strategik 5, Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) iaitu melalui program latihan dan pembangunan Industri 4.0 dan e-dagang.
2. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan geran atau pinjaman kepada pengusaha yang layak untuk mengamal atau melanggan perkhidmatan digitalisasi melalui program Geran Automasi Pintar, Geran Padanan Pendigitalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan *SME Technology Transformation Fund*.
3. Geran Automasi Pintar diterajui oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia

## SOALAN NO : 13

(KKMM), manakala Geran Padanan Pendigitalan PKS diterajui oleh Bank Simpanan Nasional, Kementerian Kewangan Malaysia.

4. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui SME Bank menawarkan skim pinjaman SME *Technology Transformation Fund* (STTF). Sehingga 23 Oktober 2020, sejumlah RM24.9 juta telah diluluskan kepada 12 PKS.

5. Untuk meningkatkan lagi kesedaran dan pemahaman usahawan tempatan ke atas kepentingan digitalisasi yang bukan sahaja mampu meningkatkan keuntungan malah akan menyumbang kepada pertumbuhan dan kelestarian perniagaan mereka, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh MEDAC antara bulan Mac hingga November 2020 melalui pelbagai medium seperti berikut:

- (a) **wawancara dalam rancangan televisyen dan radio.** Sepanjang tahun ini sebanyak 27 slot temuramah dan wawancara berkaitan digitalisasi telah dilaksanakan;
- (b) **liputan berita di surat khabar dan portal berita.** Sebanyak 35 artikel dalam pelbagai surat khabar dan berita telah diterbitkan;
- (c) **sesi libat urus bersama usahawan dan persatuan-persatuan perniagaan dengan kerjasama kerajaan negeri.** Sebanyak 3 sesi libat urus telah dilaksanakan oleh Kementerian yang melibatkan lebih 5,000 usahawan di peringkat negeri Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang yang antara lain bertujuan untuk mear-warkan inisiatif digitalisasi yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian dan pihak Kerajaan.
- (d) **siri-siri forum atas talian dan webinar di media sosial** seperti *Facebook Live*. Sebanyak 2 sesi ceramah dan 12 sesi webinar dilaksanakan di portal atas talian dan media sosial dalam usaha mempromosikan digitalisasi kepada usahawan;

Sekian, terima kasih.